

**KERATAN AKHBAR BULAN MEI 2021**  
**BERITA HARIAN**

**KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN MEI 2021**

| BIL. | TARIKH     | TAJUK BERITA                                                                                            | MUKA SURAT |
|------|------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 1.   | 05.05.2021 | SPRM Masih Tunggu Keputusan Peguam Negara                                                               | 2          |
| 2.   | 07.05.2021 | Bekas Ketua Pengarah Bahagian Staf Perisikan ATM Mengaku Salah – Kes Terima Wang, Perkhidmatan RM60,000 | 3          |
| 3.   | 08.05.2021 | ‘Kembalikan PSC Nilai Pelantikan Jawatan Penting’                                                       | 4          |
| 4.   | 11.05.2021 | 1MDB, SRCFail 22 Tuntutan Sivil dapatkan Semua RM96.6 Bilion                                            | 5          |
| 5.   | 11.05.2021 | Kerajaan Teruskan usaha Bawa Pihak terbabit Ke Pengadilan                                               | 5          |
| 6.   | 18.05.2021 | Bekas CEO Syak Aktiviti Menyalahi Undang-Undang                                                         | 6          |
| 7.   | 20.05.2021 | Majikan Buat Tuntutan Palsu Akan Dihukum                                                                | 7          |
| 8.   | 22.05.2021 | Pengarah Hadapi 13 Tuduhan Rasuah                                                                       | 8          |
| 9.   | 22.05.2021 | Guru Besar Direman Lima Hari – Kes Selewang Duit Zakat                                                  | 9          |
| 10.  | 24.05.2021 | Pegawai Perikanan Dituduh Terima Suapan RM31,425                                                        | 10         |
| 11.  | 24.05.2021 | 4 Pegawai MAQIS Syarikat Logistik Didakwa – Kes Kartel Seludup Daging                                   | 11         |
| 12.  | 25.05.2021 | Pendakwaan Akan Buktikan Ahmad Zahid Terima Rasuah                                                      | 12         |
| 13.  | 25.05.2021 | Peruntukan RM5B Beli RM73.5 Juta Dos Vaksin                                                             | 13         |
| 14.  | 26.05.2021 | ‘Najib Arah Ahmad Zahid Teruskan Kontrak UKSB’                                                          | 14         |
| 15.  | 27.05.2021 | Hampir Sejuta Slot Vaksin AstraZeneca habis Ditempah Dalam Sejam                                        | 15         |
| 16.  | 27.05.2021 | Ramai Kecewa Gagal Daftar, Persoal Sistem Akses                                                         | 15         |
| 17.  | 28.05.2021 | ‘Ahli Lembaga Pengarah Terbabit Sandiwara’ – Kes 1MDB                                                   | 16         |
| 18.  | 28.05.2021 | ‘Dapat Dana Tetapi Tiada Filem’                                                                         | 17         |
| 19.  | 28.05.2021 | Zahid Lanjut Kontrak UKSB Terlalu Awal                                                                  | 18         |
| 20.  | 29.05.2021 | SPRM Panggil Tajuddin Bantu Siasatan Kes Babit Prasarana                                                | 19         |

Berita Harian | 5 May 2021 | Page 1,8

Dakwaan salah guna kuasa dalam Prasarana

# SPRM masih tunggu keputusan Peguam Negara

Kertas siasatan sudah diserahkan dua minggu lalu

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah melengkapkan siasatan berhubung isu dakwaan salah guna kuasa dalam Prasarana Berhad (Prasarana) dengan kertas siasatan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara, dua minggu lalu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki, berkata pihaknya masih menunggu arahan daripada Peguam Negara, termasuk sekiranya ada atau tidak pihak yang boleh dituntut.

"(Siasatan) kes sudah selesai. Saya hanya menunggu keputusan Peguam Negara sekiranya ada atau tidak pihak yang boleh dituntut, membabitkan kes salah guna kuasa iaitu mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

"Kertas siasatan siap dalam dua minggu lalu dan sudah dirujuk kepada Peguam Negara," katanya ketika ditemui media selepas Program Kerjasama Strategik Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) di sini, semalam.

Januari lalu, SPRM dilaporkan mengunjung pejabat Prasarana berhubung siasatan terhadap dakwaan Pengerusinya, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman, yang didakwa cuba menggunakan autoritinya untuk melakukan perubahan signifikan dalam syarikat itu.

Mengulas isu penahanan dua pegawai SPRM yang disyaki terbabit dengan kumpulan jenayah



Azam menandatangani poster kerjasama strategi SPRM dan JKKN di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Mohd Yusni Ariffin/BH)

terancang 'Geng Nicky', Azam berkata, setakat ini kedua-duanya masih dalam jawatan dan tindakan diambil sekiranya pendakwaan dibuat ke atas mereka.

"Setakat yang saya tahu, dua pegawai SPRM masih ditahan polis. Saya serah kepada polis.

"Setakat ini, dua sahaja yang saya tahu dan terpulang kepada polis sekiranya ada kes atau tidak.

"Pada peringkat dalaman, saya boleh sahkan tidak ada pegawai lain yang terbabit.

"Mereka (dua pegawai berke-

naan) masih dalam tugas sebab siasatan masih dijalankan.

"Kalau dituduh kita akan tahan mereka, sekarang kita tunggu siasatan polis dulu," katanya.

Bulan lalu, Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay, dipetik sebagai berkata, 12 pegawai agensi penguat kuasa termasuk seorang berpangkat Superintendan disyaki terbabit kumpulan jenayah terancang Geng Nicky ditahan melalui Op Pelican 3.0 sejak 21 April hingga 27 April lalu.

Mengulas isu kartel tender,

Azam berkata, SPRM sedang bekerjasama dengan Kementerian Kewangan (MOF) bagi meneliti kemungkinan wujud kartel monopoli di jabatan dan agensi yang lain.

"Kita sedang memantau jabatan lain yang kita dapat maklumat kemungkinan wujud juga kartel monopoli.

"Setakat ini belum ada, kita sedang memantau perkara ini dan kita akan bekerjasama dengan MOF supaya dilihat dengan lebih teliti mengenai proses perolehan," katanya.

Berita Harian | 7 May 2021 | Page 22

## Kes terima wang, perkhidmatan RM60,000

# Bekas Ketua Pengarah Bahagian Staf Perisikan ATM mengaku salah

**Kuala Lumpur:** Bekas Ketua Pengarah Bahagian Staf Perisikan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) didenda RM70,000 selepas mengaku bersalah atas dua tuduhan menerima wang dan perkhidmatan berjumlah RM60,000 tanpa balasan, pada Jun tahun lalu.

Hakim Suzana Hussin menjatuhkan hukuman denda masing-masing RM55,000 dan RM15,000 bagi pertuduhan pertama dan kedua, terhadap Lef-tenan Jeneral (B) Datuk Sheikh Mokhsin Sheikh Hassan, 60.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh menjalani tambahan hukuman penjara enam dan tiga bulan, sekiranya gagal membayar denda. Tertuduh membayar denda berkenaan.

Mahkamah turut memerintahkan kes itu dilucuthak kepada kerajaan wang yang disita berkenaan kes itu dilucuthak kepada kerajaan mengikut Seksyen 40 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Bagi pertuduhan pertama dan kedua, Sheikh Mokhsin sebagai seorang penjawat awam dan Ketua Pengarah Perisikan Pertaha-

nan, Bahagian Staf Perisikan Pertahanan di Kementerian Pertahanan, didakwa menerima perkhidmatan RM10,000 dan wang tunai RM50,000 untuk dirinya.

Perkhidmatan dan wang itu diberikan oleh pengarah syarikat pembekalan peralatan dan perisian ketenteraan, Syed Omar Syed Mohamad, 58, tanpa balasan, yang mana tertuduh mengetahui Syed Omar mempunyai hubungan dengan kerja rasminya.

Kesalahan terbabit didakwa dilakukan di bilik hotel di Langkawi, Kedah dan di pejabatnya di

Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak, di sini, antara 21 hingga 26 Jun 2020 mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksan yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Terdahulu, tertuduh dalam rayuannya menerusi peguam Datuk Mohd Shahrom Mohamad, memohon mahkamah menjatuhkan hukuman denda dengan alasan sudah insaf dan membuat pengakuan salah tanpa paksaan.

"Saya juga mohon mahkamah mengambil kira jasa anak guam

yang berkhidmat 41 tahun dalam bidang ketenteraan yang pernah berkhidmat dalam misi United Nation Peacekeeping Operation di Iraq dan selaku Ketua Pasukan Pemantau Antarabangsa di Mindanao, Filipina.

"Anak guam juga adalah sumber rezeki utama keluarga dan ketika ini, beliau masih menanggung isteri dan empat orang anaknya," katanya.

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya dari SPRM, Siti Norhafizan Zakaria membantah rayuan itu.

Berita Harian | 8 May 2021 | Page 14

# ‘Kembalikan PSC nilai pelantikan jawatan penting’

**Kangar:** Jawatankuasa Khas Parlimen (PSC) sangat diperlukan di negara ini dalam memberi ruang kepada Ahli Parlimen menilai semula pelantikan jawatan penting seperti Peguam Negara, Ketua Polis Negara, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Ahli Parlimen Arau, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata sudah tiba masanya PSC dikembalikan bagi mengelakkan campurtangan politik dalam pentadbiran kerajaan.

“Memang benda itu berlaku di mana Peguam Negara, Ketua Polis Negara, Ketua Hakim Negara memang dipilih oleh Parlimen, itu yang terbaik. Saya tidak ada masalah dan bersetuju Parlimen perlu diberi mandat untuk membuat pemilihan berkenaan supaya tidak terjadi apa yang berlaku sekarang (campurtangan politik),” katanya.

Beliau yang ditemui media selepas majlis penyampaian sumbangan Aidilfitri Parlimen Arau di Dewan Warisan, di sini malam kelmarin, berkata dalam isu dakwaan ada campur tangan men-

teri dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM), apa juga yang dilakukan perlulah mengikut Akta Polis dan Akta Parlimen yang sudah pun wujud.

“Seksyen 4 Akta Polis secara jelas sudah menyebut mengenai tanggungjawab Ketua Polis Negara. Jadi bagi tanggungjawab menteri, saya rasa jika mahu mengeluarkan komen atau tindakan apa pun perlulah mengikut garis panduan Akta Polis dan Akta Parlimen.

“Biar Parlimen diberi ruang untuk melihat semula pemilihan individu terhadap jawatan ini,” katanya.

PSC pernah diwujudkan sewaktu 22 bulan pentadbiran kerajaan terdahulu sebelum dimansuhkan apabila Perikatan Nasional (PN) mengambil alih pentadbiran negara.

Baru-baru ini, beberapa pihak termasuk ahli akademik memberikan cadangan supaya Parlimen diberi kuasa untuk melantik penyanggah jawatan penting seperti Peguam Negara, Ketua Polis Negara, Ketua Hakim Negara dan Pengerusi SPR dalam usaha memastikan tiada unsur campur tangan politik dalam pentadbiran kerajaan.



Shahidan Kassim

Berita Harian | 11 May 2021 | Page 1,3

# 1MDB, SRC fail 22 tuntutan sivil dapatkan semula RM96.6 bilion

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@bh.com.my

**Putrajaya:** 1Malaysia Development Bhd (1MDB) dan SRC International Sdn Bhd (SRC) memfailkan 22 tuntutan sivil untuk mendapatkan semula aset melebihi RM96.6 bilion (AS\$23 bilion).

Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan semalam, berkata enam daripada writ saman difailkan oleh 1MDB, manakala 16 lagi oleh SRC bagi pemulangan aset termasuk tuntutan bernilai kira-kira RM300 juta terhadap pelbagai pihak tempatan.

Writ yang difailkan oleh 1MDB

adalah terhadap sembilan entiti, termasuk dua institusi kewangan asing dan 25 individu atas pelbagai kesalahan termasuk pelanggaran kewajipan kontrak, statutori, 'common law' dan fiduciari; pecah amanah; frod; konspirasi frod; salah nyata frod; pecah kewajipan dan amanah secara frod; penyembunyian secara frod; penyelewengan secara frod; bantuan tidak jujur dalam penyelewengan dana; kecuai; penerimaan dengan pengetahuan atau 'knowing receipt' dan pengkayaan tidak wajar atau 'unjust enrichment'.

Nasional 3

## Kerajaan teruskan usaha bawa pihak terbabit ke pengadilan

Dari Muka 1

Writ yang difailkan SRC pula adalah terhadap 15 individu dan lapan entiti atas pelbagai kesalahan, termasuk penyalahgunaan kuasa, pelanggaran kewajipan fiduciari di jawatan awam, pecah amanah, konspirasi, bantuan tidak jujur, pelanggaran kewajipan secara frod; penerimaan dengan pengetahuan, salah laku dan penukaran salah atau *wrongful conversion*.

"Wakil guaman kedua-dua entiti ini memfailkan sejumlah 22 tuntutan sivil pada 7 Mei lalu.

"1MDB dan SRC menyatakan bahawa entiti-entiti dan/atau individu ini mendapatkan pengkayaan tidak wajar melalui penerimaan wang secara salah daripada entiti itu," kata kenyataan itu.

Sementara itu, Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata kerajaan akan meneruskan usaha

sehingga semua pihak terbabit dipertanggungjawabkan sepenuhnya atas kesalahan kepada negara melalui penglibatan mereka dalam 1MDB dan/atau SRC.

"Berikutan kejayaan penyelesaian yang signifikan terhadap Goldman Sachs, AmBank Group dan Deloitte PLT, kerajaan akan meneruskan usaha sehingga semua pihak terbabit dipertanggungjawabkan sepenuhnya atas kesalahan kepada negara melalui pembabitkan mereka dalam 1MDB dan/atau SRC," katanya.

Malaysia, sebelum ini menerima RM10.5 bilion (AS\$2.5 bilion) daripada Goldman Sachs pada Ogos tahun lalu dengan jaminan pemulangan aset selanjutnya sebanyak RM5.8 bilion (AS\$1.4 bilion).

Kerajaan juga akan menerima RM2.83 bilion daripada AmBank Group dan RM336 juta (AS\$80 juta) dari Deloitte PLT.

Menurut kenyataan itu, semua hasil daripada usaha pemula-

ngan aset 1MDB, termasuk penyelesaian akan datang dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Pemulangan Aset di bawah seliaan Jabatan Akauntan Negara.

"Penyelesaian ini tidak menjejaskan atau mengkompromi tuntutan Malaysia terhadap pesalah laku lain yang menyebabkan kerugian kepada 1MDB serta SRC dan mereka akan tetap dihadapkan ke muka pengadilan melalui sistem perundangan jenayah dan sivil," katanya.

Kementerian Kewangan turut mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bank Negara Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional atas usaha bersama mereka untuk membawa pesalah laku ini ke muka pengadilan dan mendapatkan kembali hak rakyat Malaysia.

Kes 1MDB

Berita Harian | 18 May 2021 | Page 17

## Bekas CEO syak aktiviti menyalahi undang-undang

**Kuala Lumpur:** Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1Malaysia Development Berhad (1MDB) memberitahu Mahkamah Tinggi di sini, semalam, beliau mengesyaki terdapat beberapa aktiviti menyalahi undang-undang dalam syarikat membabitkan Datuk Seri Najib Razak dan ahli perniagaan, Low Taek Jho atau Jho Low berhubung penerbitan bon AS\$3 bilion.

Penerbitan bon AS\$3 bilion itu membabitkan 1MDB Global Investments Limited (1MDB GIL) kepada Abu Dhabi-Malaysia Investment Company (ADMIC).

Mohd Hazem Abd Rahman, 47, bagaimanapun berkata, beliau tidak pernah meminta Najib, yang ketika itu Perdana Menteri, supaya menjelaskan perkara berkenaan, tetapi menyatakan kebimbangannya kepada bekas Pengerusi 1MDB, Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin dan bekas Setiausaha Sulit Najib, Allahyarham Datuk Azlin Alias, memandangkan mereka boleh berhubung dengan Najib.

Najib yang juga bekas Menteri



Mohd Hazem tiba bagi memberi keterangan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

Kewangan ketika itu adalah Pengerusi Lembaga Penasihat 1MDB.

Saksi pendakwaan ke-10 itu berkata demikian ketika pemeriksaan balas peguam, Wan Aizuddin Wan Mohammed dalam percaraan kes Najib dalam penyalahgunaan dana 1MDB.

Saksi itu bagaimanapun tidak bersetuju dengan cadangan peguam berkenaan bahawa alasan beliau tidak mendapatkan penjelasan daripada Najib kerana bukan hanya beliau mempunyai syak wasangka terhadap agenda Jho Low, tetapi beliau juga mengikuti rancangan Jho Low.



Najib hadir pada percaraan kes 1MDB di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Saifulizan Tamadi/BH)

Mohd Hazem berkata, beliau tidak pernah menyatakan sangsi itu kepada Lembaga Pengarah 1MDB dan tidak pernah membuat sebarang laporan kepada pihak berkuasa berhubung arahan diterima daripada Jho Low yang kini dalam buruan.

Najib, 67, berdepan empat per-

tuduhan menggunakan kedudukannya untuk memperoleh suapan berjumlah RM2.3 bilion daripada dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah sama.

Percaraan di hadapan Hakim Collin Lawrence Sequerah bersambung Rabu. BERNAMA

BERITA HARIAN/20 MEI 2021/M.S:15

## Majikan buat tuntutan palsu akan dihukum

**Putrajaya:** Majikan yang membuat tuntutan palsu bagi mengambil insentif pengambilan pekerja akan berdepan dengan tindakan undang-undang, demikian tegas Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Beliau berkata, baru-baru ini terdapat laporan menyatakan ada majikan yang menuntut insentif pengambilan pekerja daripada kerajaan tetapi tidak menggajikan pekerja.

Katanya, Menteri Sumber Manusia baru-baru ini turut sekali lagi menekankan bahawa kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan ke atas majikan yang berbuat demikian.

"Pelbagai insentif kepada perniagaan diberikan kerajaan membabitkan jumlah peruntukan yang tinggi bagi menangani isu pengangguran dan membantu perniagaan mengekalkan kapasiti masing-masing.

"Usaha ini dilaksanakan agar mereka mampu pulih dengan kadar segera serta berkembang apabila ekonomi global semakin pulih dan mencapai imuniti kelompok.

"Sifat tidak jujur untuk mendapatkan bantuan tanpa melakukan apa yang perlu bagi mencapai objektif sesuatu polisi tidak akan diambil ringan oleh kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian da-

lam laporan Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA) ke-53, semalam.

Tengku Zafrul berkata, berdasarkan siasatan yang dibuat, terdapat juga kes penyalahgunaan maklumat peribadi pekerja dan tuntutan palsu oleh majikan bagi memohon insentif kewangan.

Katanya, antara insentif itu adalah menerusi Inisiatif PenjanaKerjaya, khususnya Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Program Latihan di bawah Program PenjanaKerjaya 2.0.

"Dalam memohon Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Program Latihan yang dikendalikan oleh Pertubuhan Keselama-

tan Sosial (PERKESO), majikan dinasihatkan agar membuat permohonan secara terus melalui saluran rasmi.

"Pencari kerja juga diingatkan agar tidak berkongsi sebarang maklumat peribadi melalui saluran tidak rasmi dengan mana-mana pihak.

"Ia bagi memastikan data peribadi mereka tidak disalahgunakan daripada program kerajaan yang disediakan untuk membantu rakyat," katanya.

Tengku Zafrul menambah, laman web rasmi PERKESO bagi pencari kerja adalah MYFutureJobs manakala laman web PenjanaKerjaya adalah penjanakerjaya.perkeso.gov.my.

Berita Harian | 22 May 2021 | Page 17



*Mohamad Sulhan dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuantan, semalam.*

## Pengarah hadapi 13 tuduhan rasuah

**Kuantan:** Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Tanjung Sedili, Johor, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, atas 13 pertuduhan menerima suapan RM28,000.

Bagaimanapun, tertuduh, Mohamad Sulhan Zainon, 51, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa menerima suapan antara RM2,000 hingga RM4,000 daripada pengarah syarikat perkapalan secara pindahan wang ke akaun bank miliknya antara April 2019 hingga 27 November 2020, sebagai dorongan tidak melakukan pemeriksaan dan tindakan terhadap kapal milik syarikat berkenaan.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 25(1) Akta SPRM 2009 dan sabit kesalahan boleh dihu-

kum maksimum RM100,000 atau penjara maksimum 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Tertuduh dikenakan ikat jamin RM10,000 dan tarikh sebutan semula ditetapkan 30 Jun.

Sementara itu, di mahkamah sama, Bitara Kanan Maritim Zon Sedeli, Mohd Rusdi Mohd Joha, 47, didenda RM4,500 selepas mengaku bersalah atas tiga tuduhan rasuah.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa menerima suapan RM3,000 daripada pemilik sebuah syarikat perkapalan sebagai dorongan melepas sebuah kapal daripada ditahan, diperiksa dan diambil tindakan.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 25(1) Akta SPRM 2009 dan menerima suapan itu melalui pindahan wang secara dalam talian masing-masing berjumlah RM1,000 ke akaun bank miliknya antara April 2020 hingga Jun 2020.

Berita Harian | 22 May 2021 | Page 20

Kes seleweng duit zakat

## Guru besar direman lima hari

**Shah Alam:** Seorang guru besar sebuah sekolah rendah direman lima hari, bermula semalam bagi membantu siasatan mengeluarkan wang bantuan zakat untuk anak asnaf bagi kepentingan dirinya, dua tahun lalu.

Perintah reman sehingga 25 Mei itu dikeluarkan oleh Majistret Nur Faizah Abdul Sani di Mahkamah Majistret Shah Alam, di sini.

Terdahulu, lelaki berusia 54 tahun itu tiba di pekarangan Kompleks Mahkamah Shah Alam, diiri-

ngi pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor pada jam 9.30 pagi.

Media kelmarin, melaporkan lelaki berkenaan ditahan di pejabat SPRM cawangan Klang, kira-kira jam 4 petang.

Sumber berkata, penjawat awam itu ketika bertugas di sebuah sekolah di Selangor didakwa menggunakan kedudukannya dengan mempengaruhi pihak pengurusan Badan Kebajikan Guru-Pekerja (BKGP) sekolah terbabit bagi mengeluarkan wang sum-

bangkan zakat daripada sebuah bank berjumlah RM75,000 untuk bantuan anak asnaf.

Bagaimanapun, wang sumbangan zakat itu digunakan bagi kegunaan dirinya sendiri.

Difahamkan, lelaki terbabit kini bertugas di sebuah sekolah lain di negeri ini.

Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim ketika dihubungi mengesahkan mengenai penahanan itu dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 23(1) Akta SPRM 2009.



Anggota SPRM membawa guru besar yang ditahan reman di Mahkamah Majistret Shah Alam, semalam.  
(Foto Muihd Asyraf Sawal/BH)

BERITA HARIAN/24 MEI 2021/M.S:15

## Pegawai perikanan dituduh terima suapan RM31,425

**Kota Bharu:** Seorang pegawai perikanan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam, terhadap lima pertuduhan mendapat suapan berjumlah RM31,425, daripada sebuah syarikat milik adik iparnya, dua tahun lalu.

Tertuduh, Mohd Rafi Hasan, 36, mohon dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Zaman Mohd Noor.

Pertuduhan pertama, dia sebagai Ketua Cawangan Akuakultur di Pejabat Perikanan Negeri Kelantan didakwa menggunakan jawatan untuk mendapatkan suapan, apabila meluluskan pesanan kerajaan kepada YY Indah Enterprise dimiliki adik iparnya bagi membekal dan menghantar benih 1,000 ikan kerapu hibrid bernilai RM6,900 pada 22 Januari 2019.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa mendapatkan suapan meluluskan pesanan kerajaan atas nama pembekal sama, bagi membekal dan menghantar hormon pembiakan ikan ke Pusat Pengembangan Akuakultur Machang dengan nilai RM7,500, pada 31 Januari 2019.

Pertuduhan ketiga, lelaki itu didakwa mendapatkan suapan meluluskan pesanan kerajaan atas nama pembekal sama, bagi membekal makanan hidup kepada reka ikan ternakan (*Artemia*) bernilai RM15,800, 27 Mac 2019.

Pertuduhan keempat dan kelima, dia didakwa mendapatkan suapan meluluskan pesanan kerajaan kepada pembekal sama, bagi membekal hormon overprim kepada penternak ikan air tawar bernilai RM725 pada 4 April 2019 serta makanan ikan *artemia* international kadar penetasan 80 peratus berat 425 gram kepada penternak ikan hiasan di Kota Bharu bernilai RM500, 16 April 2019.

Bagi semua pertuduhan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda minimum lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Nor Hamizah Ghazali memohon tertuduh dijamin RM10,000 bagi semua pertuduhan dengan seorang penjamin.

Peguam Cheah Poh Loon yang mewakili tertuduh memohon jaminan RM6,000 bagi semua pertuduhan dan tertuduh hadir melaporkan diri di pejabat SPRM setiap 1 hari bulan. Mahkamah membenarkan tertuduh dijamin RM6,000 dan menetapkan 7 Julai sebutan semula kes.

Berita Harian | 24 May 2021 | Page 15

Kartel seludup daging

# 4 pegawai MAQIS, pengurus syarikat logistik didakwa

Tiga tak mengaku salah tuduhan rasuah, kemuka butiran palsu

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my

**Johor Bahru:** Empat penolong pegawai penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dan seorang pengurus syarikat logistik, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, atas tuduhan rasuah dan mengemukakan butiran palsu berhubung kes kartel daging.

Dua tertuduh, Nor Azlan Mat Suki, 40 dan Mohd Hafizan Khalid, 44, yang juga Penolong Pegawai Penguat Kuasa MAQIS, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Nor Azlan dan Mohd Hafizan masing-masing didakwa atas lima serta satu pertuduhan menerima rasuah bernilai RM37,500 bagi melepaskan 41 kontena yang membawa daging sejuk beku milik Syarikat ZS Armin Sdn Bhd, dari negara tidak diiktiraf Jabatan Veterinar.

Kesalahan berkenaan masing-masing dilakukan di restoran di Iskandar Puteri dan Johor Bahru, di antara Disember 2016 hingga April 2017.

Mereka didakwa mengikut



Empat penolong pegawai penguat kuasa MAQIS dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam.  
(Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali nilai suapan atau RM10,000, mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Seorang pengurus syarikat logistik, Abdul Latif A Rahman, 55, turut mengaku tidak bersalah, terhadap dua pertuduhan pilihan dengan memalsukan dokumen Borang Pengakuan Barang-Barang Yang Diimport, pada Oktober lalu.

Bagi dua pertuduhan pilihan itu, Abdul Latif, didakwa memalsukan dokumen Borang Pengakuan Barang-Barang Yang Diimport, bagi Syarikat LY Frozen Sdn Bhd, dengan nama dan tandatangan pembuat akuan yang sebenarnya sudah meninggal pada 2009, bagi mengelirukan Ja-

batan Kastam Diraja Malaysia.

Kesalahan itu dilakukan di Wisma Kastam Pelabuhan Tanjung Pelepas, Gelang Patah, Iskandar Puteri masing-masing pada 5 Oktober dan 9 November tahun lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 18 Akta SPRM, yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai butiran palsu atau RM10,000, mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Dalam pada itu, dua lagi Penolong Pegawai Penguat Kuasa MAQIS Gred KP29, Mohammad Sofyan Mohd Zin, 27, dan Khairul Izat Sulaiman, 31, mengaku bersalah, masing-masing atas pertuduhan gagal melaporkan penerimaan rasuah bernilai RM130, Oktober lalu.

Mohammad Sofyan dan Khairul

Izat masing-masing dituduh gagal melaporkan menerima rasuah RM30 dan RM100 daripada Abdul Latif sebagai ejen penghantaran QFF Logistic Sdn Bhd, bagi mempercepat proses pemeriksaan dokumen dan fizikal konsainan.

Mereka didakwa melakukan perbuatan itu di pejabat MAQIS, Kompleks Sultan Abu Bakar, Gelang Patah, pada 5 Oktober dan 10 November tahun lalu.

Bagi kesalahan itu, kedua-dua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 25(1) Akta SPRM 2009, yang membawa hukuman denda sehingga RM100,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Hakim memerintahkan Nor Azlan dan Mohd Hafizan masing-masing diberi jaminan RM7,000, manakala Abdul Latif RM3,000 serta Mohammad Sofyan RM5,000.

Mahkamah turut menetapkan 29 Jun depan sebagai tarikh sebutan semula kes bagi penyerahan dokumen.

Dalam pada itu, Khairul Izat didenda RM1,500 atau sebulan penjara jika gagal bayar denda, selepas mengaku bersalah atas kesalahan gagal melaporkan penerimaan rasuah RM100.

Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail membuat keputusan berkenaan selepas berpuas hati dengan mitigasi dilakukan Suhaili dan peguam, S Selvam.

Mengikut fakta kes, Khairul Izat menerima rasuah RM100 daripada Abdul Latif, sebagai balasan meluluskan konsainan import yang dilabel *frozen beef body fat* pada 10 November tahun lalu.

Berita Harian | 25 May 2021 | Page 17

Kes Sistem Visa Luar Negara

# Pendakwaan akan buktikan Ahmad Zahid terima rasuah

**Peguam bekas  
Timbalan Perdana  
Menteri dakwa  
kes pertuduhan  
terpilih,  
bermotif politik**

Oleh Hafidzul Hilmi  
Mohd Noor  
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Pihak pendakwaan dalam perbicaraan kes Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang menghadapi 40 pertuduhan rasuah berhubung Sistem Visa Luar Negara (VLN), akan membuktikan bekas Timbalan Perdana Menteri itu menerima suapan jutaan ringgit.

Timbalan Pendakwa Raya (TPR), Datuk Raja Rozela Raja Toran, berkata suapan berkenaan sebagai upah dan dorongan untuk mengekalkan serta melanjutkan kontrak lantikan syarikat Ultra Kirana Sdn Bhd (UKSB) berkaitan visa terbabit.

Katanya, pihak pendakwaan akan mengemukakan keterangan bahawa Ahmad Zahid, 68, sepanjang tempoh empat tahun sebagai Menteri Dalam Negeri ketika itu, sudah mengambil kesempatan daripada kedudukannya untuk mengaut kekayaan.

"Tertuduh sudah menerima suapan membabitkan wang tunai

pelbagai mata wang, iaitu dolar Singapura SG\$14.71 juta, RM3.125 juta, AS\$15,000 dan mata wang Euro5,000. Tertuduh menerima wang ini daripada UKSB.

"UKSB adalah sebuah syarikat yang dilantik kerajaan sebagai kontraktor bagi melaksanakan kerja pembekalan dan perkhidmatan untuk Kementerian Dalam Negeri. Lantikan UKSB sudah dibuat mengikut beberapa perjanjian yang dimeterai di antara Kerajaan Malaysia dan UKSB," katanya.

BERNAMA melaporkan, beliau berkata demikian ketika membacakan ucapan pembukaan kes pada hari pertama perbicaraan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Mohd Yazid Mustafa di sini, semalam.

Raja Rozela berkata, pendakwaan juga akan mengemukakan keterangan lisan dan dokumen yang akan membuktikan Ahmad Zahid terbabit dan mempunyai pengetahuan mengenai pelantikan UKSB sebagai kontraktor.

"Yang Arif juga bakal mendengar keterangan beberapa saksi yang akan memperincikan fakta dan hal keadaan bila dan bagaimana wang suapan itu diterima tertuduh. Pada akhir kes pendakwaan kelak, Yang Arif akan dapat lihat wujud kaitan rapat di antara fakta pelantikan UKSB sebagai kontraktor dan fakta penerimaan wang tunai oleh tertuduh.

"Segala keterangan yang bakal dibawa masuk akan membuktikan secara *prima facie* bahawa tertuduh sudah melakukan ke-

salahan seperti dinyatakan dalam setiap pertuduhan," katanya menambah pendakwaan akan memanggil sekurang-kurangnya 20 saksi untuk memberi keterangan.

Raja Rozela dibantu Timbalan Pendakwa Raya, Wan Shaharuddin Wan Ladin, Gan Peng Kun dan Lim Wai Keong, manakala Ahmad Zahid diwakili peguam, Datuk Ahmad Zaidi Zainal dan Hamidi Mohd Noh.

Ahmad Zahid berdepan 33 pertuduhan menerima suapan SG\$13.56 juta daripada UKSB sebagai dorongan untuk dirinya sebagai pegawai badan awam, iaitu Menteri Dalam Negeri, melanjutkan kontrak syarikat itu sebagai pengendali Perkhidmatan One Stop Centre (OSC) di China dan Sistem VLN serta mengekalkan kontrak perjanjian untuk membekalkan sistem bersepadu VLN kepada syarikat sama oleh KDN.

Beliau didakwa melakukan kesalahan itu di Seri Satria, Presint 16, Putrajaya dan di Country Heights, Kajang, antara Oktober 2014 dan Mac 2018.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 serta boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama yang membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, manakala lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Bagi tujuh lagi pertuduhan, Ahmad Zahid didakwa sebagai



Ahmad Zahid tiba di Mahkamah Tinggi Shah Alam, semalam.  
(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

menteri sama sudah mendapatkan untuk dirinya wang tunai SG\$1,150,000, RM3,000,000, Euro15,000 dan AS\$15,000 tanpa balasan dari syarikat sama yang mempunyai hubungan dengan kerja rasmi beliau.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu dituduh melakukan kesalahan berkenaan di Country Heights, antara Jun 2015 dan Oktober 2017, mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman maksimum penjara dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Sementara itu, pasukan peguam Ahmad Zahid dalam kenyataan selepas prosiding, menolak sekeras-kerasnya kenyataan dalam ucapan pembukaan pendakwaan, mendakwa anak guam mereka tidak pernah menerima suapan wang dalam bentuk mata wang tempatan atau asing, selain sudah mengaku tidak bersalah ke atas semua pertuduhan.

"Ini perlu dihormati oleh semua pihak selagi Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi tidak disabitkan bersalah, beliau hendaklah dianggap sebagai orang yang tidak bersalah ke atas pertuduhan yang diketengahkan.

"Ahmad Zahid dalam tempohnya sebagai Menteri Dalam Negeri tidak mengambil kesempatan atas jawatannya dan tidak menagut kekayaan di dalam tempoh

berkenaan," kata kenyataan itu.

Mereka menegaskan, akan membawa keterangan bahawa pertuduhan yang dikenakan adalah atas dasar politik, pertuduhan terpilih dan bertindak sebagai 'pembunuhan karakter' terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Menurut kenyataan itu lagi, pelantikan UKSB sebagai kontraktor kepada kerajaan bagi pembekalan perkhidmatan tidak dibuat ketika Ahmad Zahid berkhidmat sebagai Menteri Dalam Negeri.

"Pihak peguam bela juga akan membuktikan bahawa menerusi saksi dan dokumen dalam peringkat kes pendakwaan bahawa anak guam kami tidak menerima apa-apa wang daripada pihak UKSB.

"Peguam yakin saksi dalam kes ini akan memberikan keterangan yang benar dan pihak peguam bela akan dapat membuktikan anak guam kami tidak terbabit dengan dakwaan oleh pihak pendakwaan konsisten dengan pengakuan tidak bersalahnya," katanya.

Kata pasukan itu, mereka bersedia menyoal balas dan mencabar keterangan 20 saksi pendakwaan, mengemukakan keterangan dokumen di dalam pemeriksaan dalaman dan mencabar sebarang keterangan mengikut keadaan yang akan dikemukakan pihak pendakwaan.

BERITA HARIAN/25 MEI 2021/M.S:18

## Peruntukan RM5b beli 73.5 juta dos vaksin

**Kuala Lumpur:** Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) menjelaskan, peruntukan RM5 bilion bagi vaksin COVID-19 adalah untuk perolehan 73.5 juta dos termasuk kos pelaksanaan program imunisasi berkenaan.

Sehubungan itu, dakwaan seorang pengguna media sosial dikenali Irwan Sanei kononnya Malaysia membelanjakan peruntukan itu untuk memperoleh hanya 32 juta dos vaksin adalah tidak benar dan mengelirukan.

“Buat masa ini, RM3.5 bilion dibelanjakan bagi perolehan vaksin mencukupi buat 120 peratus populasi rakyat Malaysia (38.5 juta orang).

“Vaksin yang diperolehi melibatkan jenis dua dos menjadikan jumlah dos diperolehi Malaysia adalah 73.5 juta dos.

“Ia bukan 32 juta dos seperti ditulis Irwan Sanei yang secara tidak langsung gagal mengganjakan jumlah dos diperlukan mengikut populasi rakyat Malaysia,” menurut kenyataan CITF, semalam.

Berita Harian | 26 May 2021 | Page 14

# ‘Najib arah Ahmad Zahid teruskan kontrak UKSB’

Mahkamah  
diberitahu bekas  
PM buat minit  
berbentuk arahan

Oleh Farah Marshita  
Abdul Patah  
farahmarshita@bh.com.my

**Shah Alam:** Mahkamah Tinggi di sini, semalam, diberitahu Datuk Seri Najib Razak mengarahkan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi sebanyak dua kali untuk meneruskan kontrak syarikat Ultra Kirana Sdn Bhd (UKSB) sebagai Operator Tunggal Pengurusan Visa ke Malaysia di China.

Bekas Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Hal Ehwal Imigresen Kementerian Dalam Negeri (KDN), Azman Azra Abdul Rahman, 43, berkata Pengarah Urusan UKSB, Fadzil Ahmad ada menghantar surat kepada Najib sebanyak dua kali, iaitu masing-masing pada 23 Mei 2013 dan 20 Januari 2014.

Katanya, dalam dua surat berkenaan, UKSB memohon pertimbangan dan sokongan berterusan kerajaan untuk mengekalkan syarikat itu sebagai Operator Tunggal Pengurusan Visa ke Malaysia di China sejajar polisi kerajaan, Satu Negara Satu Operator One Stop Centre (OSC).

“Selepas Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13), Ahmad Zahid mengambil alih jawatan Menteri Dalam Negeri daripada Datuk Seri Hishammuddin Hussein pada 16 Mei 2013.

“Susulan surat itu, Najib membuat minit secara bertulis mencatatkan ‘YB Datuk Seri Zahid, Sila Bantu Dalam Hal ini. Kontrak ini perlu diteruskan,’” katanya.

Ketika disoal peguam Datuk Ahmad Zaidi Zainal yang mewakili Ahmad Zahid adakah minit diterima daripada Najib ketika itu berbentuk arahan, Azman Azra menjawab, ‘Ya’.



Ahmad Zahid hadir ke Mahkamah Tinggi Shah Alam, semalam.

(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

Terdahulu, saksi kedua pendakwaan itu berkata, operasi Sistem Pengurusan Permohonan Visa (SPPV) OSC di China berjaya mengurangkan beban kerja pegawai Pejabat Perwakilan Malaysia dan mengekalkan kelancaran perkhidmatan visa.

Bagaimanapun, beliau berkata, terdapat beberapa kelemahan operasi SSPV, menyebabkan KDN bersama Jabatan Imigresen melahirkan spesifikasi dan integrasi lebih inovatif untuk menambah baik sistem menjadi satu sistem permohonan visa lengkap digunakan semua pejabat Atase Imigresen dikenali sebagai Sistem Visa Luar Negara (VLN).

“Semua pejabat atase di China bersetuju SPPV dibangunkan syarikat UKSB diteruskan dan semua permohonan visa biasa disalurkan kepada SPPV OSC.

“Berdasarkan ulasan dan maklum balas diterima, kerajaan dicadang menetapkan dasar Satu Negara IOSC iaitu hanya satu pengendali pusat sehati pengurusan visa Malaysia bagi setiap negara menggunakan khid-

mat pusat sehati,” katanya.

Azman Azra berkata, perkara itu dipersetujui dan ditandatangani Menteri Dalam Negeri (Hishammuddin) pada 8 Ogos 2012.

Sementara itu, ketika pemeriksaan semula oleh Timbalan Pendakwa Raya, Wan Shahrudin Wan Ladin, saksi pertama pendakwaan, Penolong Pendaftar Syarikat dan Perniagaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Muhamad Akmaludin Abdullah, 38, bersetuju maklumat tercatat pada sijil SSM tidak semestinya mencerminkan kewangan sebenar UKSB.

Ahmad Zahid berdepan 33 pertuduhan menerima suapan \$13.56 juta daripada UKSB sebagai dorongan untuk dirinya iaitu Menteri Dalam Negeri ketika itu, melanjutkan kontrak syarikat terbabit sebagai pengendali perkhidmatan OSC di China dan VLN serta mengekalkan kontrak perjanjian untuk membekalkan sistem bersepadu VLN kepada syarikat sama oleh KDN.

Ahmad Zahid didakwa melakukan kesalahan itu di Seri

Satria, Presint 16, Putrajaya, dan Country Heights, Kajang, antara Oktober 2014 hingga Mac 2018 mengikut Seksyen 16 (a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 serta boleh dihukum mengikut Seksyen 24 (1) akta sama iaitu penjara maksimum hingga 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi.

Bagi tujuh lagi pertuduhan, Ahmad Zahid didakwa sebagai Menteri Dalam Negeri ketika itu, mendapatkan untuk dirinya wang tunai \$1,150,000; RM3,000,000; 15,000 euro dan AS\$15,000 tanpa balasan daripada syarikat sama yang mempunyai hubungan dengan kerja rasmi beliau.

Beliau didakwa melakukan kesalahan itu di Country Heights antara Jun 2015 hingga Oktober 2017 mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksan dan sabit kesalahan boleh dipenjarakan dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Mohd Yazid Mustafa bersambung esok.

BERITA HARIAN/27 MEI 2021/M.S:1, 3



## Hampir sejuta slot vaksin AstraZeneca habis ditempah dalam sejam

**Kuala Lumpur:** Lebih 956,000 slot pusingan kedua tempahan janji temu untuk vaksin AstraZeneca yang dibuka kepada rakyat Malaysia bawah usia 60 tahun semalam, habis ditempah dalam tempoh kira-kira sejam, meskipun diselubungi kegawatan teknikal.

Tempahan yang sepatutnya dibuka bermula jam 12 tengah hari itu, tertangguh 15 minit, sebelum mencetuskan pelbagai masalah teknikal kepada

pengguna sepanjang tempoh mereka berusaha mendapatkan slot janji temu itu.

Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) menerusi Twitter pada jam 1.27 tengah hari, memaklumkan tempahan janji temu untuk vaksin itu sudah ditutup dan mereka yang layak akan menerima pengesahan dalam tempoh terdekat.

Nasional 3

## Ramai kecewa gagal daftar, persoal sistem akses

Dari Muka 1

Terdahulu, menerusi ciapan di Twitter pada jam 12.56 tengah hari, CITF memaklumkan, lebih 300,000 slot untuk vaksinasi AstraZeneca itu sudah ditempah orang ramai.

Kelmarin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, berkata sejumlah 1,261,600 dos diperuntukkan untuk pusingan kedua PPVAZ be-

rikutan penghantaran vaksin pada 21 Mei lalu dan satu lagi dijadualkan hujung bulan ini.

Bagaimanapun, sejaris proses pendaftaran ditutup semalam, media sosial menjadi tumpuan orang ramai melepaskan kemarahan terhadap kekalutan proses mendapatkan slot janji temu itu.

Kebanyakannya mengadu gagal memperoleh akses sebilik tempahan dibuka semula mulai jam 12.15 tengah hari, yang berkemungkinan disebabkan faktor

trafik tinggi.

Malah, ramai menyatakan, sebaik berjaya memasuki pendaftaran, kebanyakan slot sudah penuh, walaupun ruang tempahan masih berwarna hijau yang memberi makna mempunyai kekosongan.

Selain slot tempahan berwarna hijau tidak bertukar status sebaik dipenuhi, pengguna juga berdepan masalah memilih negeri pilihan lokasi.

Pengguna juga berdepan masalah apabila terpaksa berulang kali memilih gambar tertentu bagi tanda bukan robot.

Susulan pelbagai kelemahan sepanjang tempoh pendaftaran itu, ada juga pihak mempersoalkan kos berjumlah RM70 juta yang diperuntukkan bagi membangunkan sistem pendaftaran program vaksinasi yang sedang dilaksanakan kerajaan.

Sementara itu, dalam kenyataannya malam tadi, CITF ketika memohon maaf terhadap gangguan teknikal yang dihadapi orang ramai itu, memaklumkan siasatan sudah dimulakan terhadap pembekal perkhidmatan terbabit.

CITF mengakui, gangguan teknikal itu menyebabkan pengguna berdepan kesukaran mengakses beberapa ciri di sesawangnya ketika permohonan dibuka kepada individu berusia 18 tahun ke atas di Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Johor dan Sarawak.

Siasatan dijalankan itu memabatkan penilaian perkhidmatan diberikan oleh pembekal, selain tindakan akan diambil ke-

pada mana-mana pihak yang lalai dan culas dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.

Katanya, siasatan diketuai Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dengan isu terabit akan diperhalusi, selain tindakan segera diambil untuk memperbaiki sistem sedia ada.

"Kami mengambil maklum ramai rakyat berminat divaksin tetapi gagal membuat tempahan.

"Sekali lagi diingatkan, individu yang sudah berdaftar di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) akan tetap mendapat suntikan vaksin menerusi PICK, terutama apabila kadar vaksinasi ditingkatkan dalam tempoh mendatang.

"Kami memohon maaf di atas segala kesulitan dihadapi dan sentiasa terbuka untuk sebarang

maklum balas serta teguran daripada semua pihak," katanya.

CITF berkata, sebanyak 956,609 tempahan bagi penduduk berusia 18 tahun ke atas dipenuhi ketika pusingan kedua tempahan slot janji temu vaksin AstraZeneca secara sukarela, semalam.

"Inisiatif ini dibuka kepada penduduk Malaysia berusia 18 tahun ke atas di Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Johor dan Sarawak, habis ditempah dalam masa kira-kira sejam selepas dibuka.

"Sebanyak 1,261,000 dos ditawarkan, di mana 275,208 dos ditempah warga emas ketika inisiatif ini dibuka mulai 23 Mei hingga hari ini.

"Sementara itu, seramai 29,183 orang yang berada senarai menunggu vaksin AstraZeneca sebelum ini dimasukkan ke dalam giliran kali ini," katanya.



Zalida Suhana Ahmad Tamam menunjukkan laman web pendaftaran vaksin AstraZeneca gagal dibuat selepas mencuba beberapa kali pada jam 12 tengah hari, semalam.  
(Foto Fatih Asri / BH)

| Ibadat & Faidat                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |       |       |      |         |       |  |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------|-------|------|---------|-------|--|
| Abu Qatadah Ibnu Rab'i RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Allah SWT berfirman: 'Sesungguhnya Aku memfardukan ke atas umat-Ku lima kali solat. Aku pula mengikat janji, itu: 'Sesapa memeliharaanya tepat pada waktunya, Aku masukkan dia ke syurga. Dan sesapa tidak memeliharanya, maka tidak ada ikatan bagi-Ku dengannya.'" |       |       |      |         |       |  |
| (HR Abu Daud)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |       |       |      |         |       |  |
| KAWASAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | SUBUH | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |  |
| Kangar                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | 5:48  | 1:18  | 4:42 | 7:31    | 8:46  |  |
| Alor Setar                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | 5:49  | 1:18  | 4:42 | 7:30    | 8:45  |  |
| P. Pinang                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | 5:50  | 1:18  | 4:42 | 7:29    | 8:44  |  |
| Ipo                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | 5:49  | 1:16  | 4:40 | 7:26    | 8:40  |  |
| Kuala Lumpur                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | 5:49  | 1:13  | 4:38 | 7:22    | 8:36  |  |
| Shah Alam                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | 5:49  | 1:13  | 4:38 | 7:22    | 8:36  |  |
| Johor Bahru                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | 5:43  | 1:04  | 4:29 | 7:10    | 8:24  |  |
| Kuantan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | 5:44  | 1:07  | 4:32 | 7:15    | 8:29  |  |
| Seremban                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | 5:49  | 1:11  | 4:35 | 7:18    | 8:32  |  |
| Bandar Melaka                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | 5:48  | 1:11  | 4:35 | 7:17    | 8:31  |  |
| Kota Bharu                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | 5:42  | 1:11  | 4:35 | 7:23    | 8:33  |  |
| K. Terengganu                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | 5:39  | 1:07  | 4:31 | 7:18    | 8:32  |  |
| Kota Kinabalu                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | 4:48  | 12:16 | 3:41 | 6:28    | 7:42  |  |
| Kuching                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | 5:18  | 12:40 | 4:04 | 6:45    | 7:59  |  |

Berita Harian | 28 May 2021 | Page 16



Mohd Hazem di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

### Kes 1MDB

## ‘Ahli lembaga pengarah terbabit sandiwara’

**Kuala Lumpur:** Bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1Malaysia Development Berhad (1MDB) semalam memberitahu Mahkamah Tinggi di sini, ahli lembaga pengarah syarikat itu terbabit sama dalam sandiwara untuk tidak memasukkan dalam laporan rasmi, dana 1MDB di luar negara ialah milik UMNO.

Mohd Hazem Abd Rahman, saksi ke-10 pendakwaan, berkata demikian ketika pemeriksaan balas peguam mewakili Datuk Seri Najib Razak, Wan Aizuddin Wan Mohammed dalam perbicaraan kes bekas Perdana Menteri itu, berhubung penyelewengan dana 1MDB berjumlah RM2.3 bilion.

Ketika ditanya sebab beliau tidak memasukkan dalam rekod semasa mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB pada 27 Februari 2014 bahawa dana yang ada di luar negara itu milik UMNO, Mohd Hazem, 49, berkata: “itu rancangan jahat dan tidak sepatutnya dimasukkan dalam rekod”.

**Wan Aizuddin:** Kamu mendakwa konspirasi ini disertai semua ahli Lembaga Pengarah?

**Mohd Hazem:** Ya

**Wan Aizuddin:** Kamu katakan

bahawa apa yang dilaporkan dalam minit mesyuarat itu hanya sekadar lakonan?

**Mohd Hazem:** Mereka tahu apa yang menjadi taruhan.

**Wan Aizuddin:** Jadi, apa yang kamu katakan ialah apa juga yang dicatat dalam minit mesyuarat Lembaga Pengarah (untuk membawa pulang dana dari luar negara) itu hanya sekadar cakap. Adakah kamu kata semua itu sandiwara besar?

**Mohd Hazem:** Ya

Saksi itu juga bersetuju dengan cadangan peguam tidak ada satu sen pun wang yang dibawa balik dari luar negara itu, dimasukkan ke dalam akaun bank UMNO.

Mohd Hazem juga bersetuju dengan cadangan peguam beliau tidak pernah mendengar daripada mulut Najib bahawa dana itu kepunyaan UMNO, namun hanya berasaskan pada kenyataan ahli perniagaan dalam buroan Low Taek Jho atau Jho Low dan bekas ketua setiausaha sulit Najib, Allahyarham Datuk Azlin Alias.

Perbicaraan di hadapan Hakim Collin Lawrence Sequerah bersambung. **BERNAMA**

Berita Harian | 28 May 2021 | Page 44

# 'Dapat dana tetapi tiada filem'

**FINAS ambil tindakan undang-undang terhadap 21 syarikat, 18 individu**

Oleh Serimah  
Mohd Sallehuddin  
bhhip@bh.com.my

**Perbadanan** Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) berjaya menjejaki 21 syarikat dan 18 individu yang didapati gagal menyiapkan filem selepas menerima inisiatif Dana Kandungan Digital (DKD) bernilai RM30 juta yang diagihkan sejak 2015 hingga tahun lalu.

Pengerusi FINAS, Zakaria Abdul Hamid, berkata tindakan susulan yang merangkumi pelbagai aspek akan diambil terhadap 39 syarikat dan individu terbabit.

"Daripada jumlah itu, 11 syarikat akan menerima notis penamatan dan tuntutan bagi menjelaskan hutang masing-masing.

"Selain itu, 17 individu lain akan dikenakan tindakan perundangan mikro dan empat syarikat bakal dikenakan tindakan undang-undang.

"Satu syarikat dikategorikan di bawah projek bermasalah dan satu syarikat lain diberi surat peringatan," katanya kepada *HIP*.

Zakaria berkata, kes membabitkan baki lima syarikat lain kini disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Tambah Zakaria, FINAS sebelum ini mengeluarkan 58 surat tuntutan kepada syarikat dan individu yang gagal menyiapkan filem masing-masing.

"Daripada jumlah itu, 19 syarikat dan individu tampil membela diri.

"Kita mengeluarkan surat tuntutan itu supaya mereka dapat menyiapkan projek yang dibiayai kerajaan.

"Pihak yang gagal menyiapkannya, kita minta bayar semula dana disalurkan agar dapat digunakan untuk penerbit filem lain pada masa depan," katanya.

Tidak mahu membebankan pihak terbabit, kata Zakaria, FINAS memberi peluang kepada mereka untuk membuat bayaran secara ansuran.

"Kita tidak pasti apakah tujuan asal mereka membuat permohonan. Adakah semata-mata mahukan dana atau memang berhasrat untuk menghasilkan filem?

"Apa sekalipun hasrat mereka, selepas mengeluarkan dana, FINAS tentulah mahu melihat hasilnya.

"Disebabkan kami sudah meningesan mereka, FINAS akan mencari pihak terbabit sehingga ke lubang cacing.

"Ini dilakukan agar pihak lain dapat menikmati peluang sama," katanya.

Sementara itu, Zakaria berkata, Festival Filem Malaysia (FFM) Ke-31 yang sepatutnya dianjurkan tahun lalu namun ditangguhkan akibat penularan pandemik COVID-19, dijangka diadakan Oktober depan.

Beliau berkata, FINAS bagaimanapun belum memutuskan kaedah penganjuran acara berprestij itu berikutan perlu melihat situasi semasa penularan COVID-19.

"Jika negara semakin pulih daripada pandemik COVID-19, FFM31 dijangka berlangsung secara langsung dengan penonton terhad," katanya.

Zakaria berkata, FFM31 akan dikendalikan dalam dua sesi berasingan iaitu segmen kategori

utama dipertandingkan disiarkan secara langsung manakala kategori bukan utama dirakamkan.

"FFM31 dianjurkan bukan atas gesaan mana-mana pihak. FINAS menganggap selepas setahun tidak dianjurkan, acara itu perlu diadakan sebagai suatu tanggungjawab kita untuk merayakan pencapaian filem tanah air.

"Butiran kaedah penganjuran belum diputuskan. Jika kita masih berjuang memutuskan rantaian COVID-19, maka penganjuran FFM31 akan dibuat secara virtual," katanya.

FFM31 sepatutnya berlangsung pada 18 April tahun lalu dengan tema Inspirasi Seniman: Tanpa Sempadan.

Mempertandingkan 67 filem terbitan 2019, sebanyak 28 kategori menanti pemenang bagi edisi kali ini.

Dalam perkembangan lain, Zakaria berkata, FINAS meluluskan permohonan 10 persatuan industri kreatif untuk menyertai Program Peningkatan Kapasiti Kreatif Malaysia (MyCAP).

"Selepas ini, hanya persatuan berdaftar di bawah MyCap akan diberi dana pembangunan modal insan.

"Bagi kategori syarikat, pengumuman akan dibuat, bulan depan. Kertas cadangan sudah dikemukakan kepada Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Saifuddin Abdullah," katanya sambil menambah individu juga boleh menyertai MyCap.

**Pihak yang gagal menyiapkannya, kita minta bayar semula dana disalurkan agar dapat digunakan untuk penerbit filem lain pada masa depan**



Zakaria Abdul Hamid, Pengerusi FINAS

Berita Harian | 28 May 2021 | Page 16

Kes rasuah sistem VLN

# Zahid lanjut kontrak UKSB terlalu awal

**Saksi dakwa bekas TPM tidak ikut klausa perjanjian**

Oleh Farah Marshita Abdul Patah  
farahmarshita@bh.com.my

**Shah Alam:** Bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi melanjutkan kontrak Ultra Kirana Sdn Bhd (UKSB) pada 2017 walaupun kontrak syarikat itu hanya akan tamat dalam tempoh tiga tahun.

Bekas Timbalan Setiausaha Bahagian Hal Ehwal Imigresen, Kementerian Dalam Negeri (KDN), Siti Jalilah Abd Manap, berkata lanjutan kontrak itu adalah terlalu awal dan tidak mengikut klausa 2.2.1 Perjanjian Sistem Visa Luar Negara (VLN).

Malah ketika menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Wan Shahrudin Wan Ladin, sama ada terdapat keperluan untuk lanjutan kontrak disegerakan, Siti Jalilah menjawab: "Tiada keperluan."

**Wan Shahrudin:** Kontrak lambat lagi habis, ada keperluan disegerakan?

**Siti Jalilah:** Kalau tempoh belum habis tiada keperluan.

Katanya, Ahmad Zahid kemudian meluluskan permohonan melanjutkan tempoh pelaksanaan Sistem Visa Luar Negara (VLN) dan eVISA untuk enam tahun lagi daripada 31 Oktober 2019 hingga akhir tahun 2025.

Saksi ketiga pendakwaan itu berkata demikian pada perbicaraan Ahmad Zahid yang menghadapi 40 pertuduhan rasuah berhubung Sistem VLN di hadapan Hakim Datuk Mohd Yazid Mustafa.

Siti Jalilah berkata, selepas mendapat keputusan pada 1 Mac 2017, satu minit ceraihan bertajuk 'Status Permohonan Pelanjutan Kontrak VLN' disediakan bagi mengemukakan syor kepada Zahid untuk diambil maklum.

Katanya, antara perkara yang disyorkan adalah tempoh kontrak dan skop kerja VLN bagi tempoh enam tahun bermula 2019 hingga 2025 dibawa untuk pertimbangan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dan Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri mengikut tatacara kewangan sedia ada.

"Seterusnya, Ahmad Zahid dalam minit ceraihan dan surat UKSB, meminitkan 'Dato' Sri KSU, Sila sambung kontrak VLN/E-Visa sehingga 2022 & tidak perlu ke UKAS & Kabinet. Sila segerakan."

"Keputusan Ahmad Zahid dalam minit ceraihan bertarikh 15 Jun 2017 tidak selaras dengan arahan dan tatacara berkuat kuasa pada masa itu," katanya.

Siti Jalilah, berkata beliau menghantar surat bertarikh 19 Jun 2017 atas inisiatif sendiri untuk mendapatkan penjelasan lanjut daripada UKAS untuk dijadikan panduan oleh pihak Bahagian Hal Ehwal Imigresen KDN dalam menyediakan syor untuk pertimbangan dan keputusan Menteri Dalam Negeri.

Katanya, selepas mendapat keputusan daripada Ahmad Zahid, pihak Bahagian Hal-Ehwal Imigresen KDN kemudian menye-

diakan dua draf perjanjian tambahan untuk semakan dan kelulusan Penasihat Undang-Undang KDN.

Perjanjian Tambahan Pertama ialah untuk memperluaskan skop sistem VLN sedia ada iaitu penambahan permohonan visa secara elektronik (eVISA), eNTRI, eVCOMM dan kaunter Visa On Arrival (VOA) di pintu masuk/keluar bertarikh 22 Jun 2017 dan ditandatangani di antara kerajaan dan UKSB.

"Perjanjian Tambahan Kedua menyatakan tempoh lanjutan selama tiga tahun bagi perjanjian yang bertarikh 28 Februari 2014 di antara Kerajaan Malaysia dan UKSB berkuatkuasa dari 1 November 2019 sehingga 31 Oktober 2022," katanya.

Sementara itu, ketika ditanya Wan Shahrudin kenapa semua surat itu melanggar tatacara?

**Siti Jalilah:** Kerana arahan dan tatacara bagi kontrak perlu dibawa ke UKAS untuk dapat kelulusan Jemaah Menteri.

**Wan Shahrudin:** Mengapa perlu bawa ke UKAS?

**Siti Jalilah:** Kerana membabitkan pengambilan sumber kewangan orang awam dan projek itu mendapat lebih RM25 juta.

**Wan Shahrudin:** Kenapa surat perlu dirujuk kepada Ahmad Zahid?

**Siti Jalilah:** Kerana beliau adalah menteri bertanggungjawab.

Pada prosiding itu, Siti Jalilah turut memberitahu Ahmad Zahid turut melanjutkan permohonan tempoh pelaksanaan kontrak Perkhidmatan One Stop Centre Bagi Kemudahan Visa (Visa Facilitation Services) di China.

Berita Harian | 29 May 2021 | Page 1,8



## SPRM panggil Tajuddin

Bekas Pengerusi Bukan Eksekutif Prasarana Malaysia Bhd itu dipanggil semalam dipercayai bagi membantu siasatan kes salah guna kuasa

**Nasional 8**

### SPRM panggil Tajuddin bantu siasatan kes babit Prasarana

**Kuala Lumpur:** Bekas Pengerusi Bukan Eksekutif Prasarana Malaysia Bhd (Prasarana), Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman dipanggil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk membantu siasatan, kelmarin.

Sumber SPRM ketika dihubungi BH, mengesahkan Ahli Parlimen Pasir Salak yang juga Ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT)

UMNO itu dipanggil SPRM berhubung kes membabitkan Prasarana, tetapi enggan mengulas lanjut.

Perkhidmatan Tajuddin di Prasarana ditamatkan serentak Rabu lalu selepas Menteri Kewangan (Diperbadankan) mengeluarkan surat penamatan perkhidmatannya. Surat bertarikh 26 Mei itu ditandatangani Menteri Kewangan, Tengku Da-

tuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Sementara itu, Tajuddin dilihat hadir ke Menara Dato' Onn di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), pagi semalam bagi mempengerusikan Mesyuarat Sekretariat Pilihan Raya UMNO.

Pengarah Pilihan Raya UMNO itu yang kini terpalit dengan beberapa kontroversi dalam satu

hantaran di Facebook, menulis: "Ke arah Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15). Saya ke Menara Dato' Onn untuk mempengerusikan Mesyuarat Sekretariat Pilihan Raya UMNO berhubung perediaan parti menghadapi PRU-15 jam 11.30 pagi tadi (semalam)".

Kelmarin, polis selesai merakam keterangan Tajuddin yang didakwa melanggar prosedur operasi standard (SOP) Perintah

Kawalan Pergerakan (PKP) kerana tidak memakai pelitup muka pada satu sidang media, Selasa lalu.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Mohamad Zainal Abdullah, dilaporkan berkata, selain Tajuddin, pihaknya turut merakam keterangan empat lagi individu bagi membantu melengkapkan kertas siasatan.